



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR YB MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA PANDEMIK INFLUENZA A(H1N1) DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

2 Julai 2009

Situasi Semasa

Sehingga 2 Julai 2009 jam 8.00 pagi terdapat 48 kes baru influenza A(H1N1) telah dilaporkan di Malaysia yang terdiri daripada 40 kes import dan 8 kes jangkitan tempatan. Ini menjadikan jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) di Malaysia sehingga 2 Julai 2009 adalah berjumlah 244 kes yang terdiri daripada 206 kes import dan 38 kes jangkitan tempatan. Tiada kematian dilaporkan.

Jumlah pesakit influenza A(H1N1) yang telah sembuh rawatan setakat ini adalah berjumlah 128 orang dan mereka telah sembuh sepenuhnya dan telah didiscaj daripada hospital.

Maklumat berkaitan 48 kes baru yang dilaporkan adalah melibatkan 36 warganegara Malaysia dan 12 warga asing iaitu Indonesia (4), Singapura (2), Filipina (2), Australia (2), China (1), dan Itali (1). Daripada 40 kes import, mereka telah memberikan sejarah melawat negara yang terjejas dengan wabak influenza A(H1N1) iaitu Australia

(13), Indonesia (7), Thailand (4), Filipina (9), Singapura (2), China (2), Brunei (1), New Zealand (1) dan Turki (1).

Kesemua 8 kes jangkitan tempatan melibatkan kes warga tempatan dimana 5 kes adalah pelajar dari Sekolah Menengah Tsun Jin, Jalan Loke Yew, Cheras, Kuala Lumpur. Manakala 1 kes lagi adalah kontak kepada kes import 213 yang juga dilaporkan pada 2 Julai 2009. Sementara kes indeks bagi 2 lagi kes jangkitan tempatan masih dalam siasatan. Maklumat berkaitan 48 kes yang dilaporkan pada hari ini ada dalam Lampiran 1 yang disertakan.

Daripada 244 kes yang telah dikesan dan dilaporkan, baki pesakit Influenza A(H1N1) yang masih dirawat di hospital adalah berjumlah 116 orang dengan 85 disahkan positif dan 31 masih menunggu keputusan makmal. Semua kes yang disahkan, telah menunjukkan respons yang baik kepada rawatan tanpa komplikasi. Jumlah pesakit yang disahkan positif dan masih dirawat mengikut hospital adalah Hospital Sungai Buloh (29 pesakit), Hospital Kuala Lumpur (24 pesakit), Hospital Pulau Pinang (7 pesakit), Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar (4 pesakit), Hospital Tuanku Jaafar, Seremban (3 pesakit), Hospital Umum Sarawak (2 pesakit), Hospital Raja Pemasuri Bainun, Ipoh (2 pesakit), Hospital Sibu (1 pesakit), Hospital *Queen Elizabeth*, Kota Kinabalu (3 pesakit), Hospital Tawau (1 pesakit), Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu (3 pesakit), Hospital Batu Pahat (1 pesakit), Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang (3 pesakit), Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu (1 pesakit) dan Hospital Melaka (1 pesakit).

Selain daripada itu terdapat sejumlah 739 kontak terdekat yang sedang menjalani kuarantin di rumah, dimaklumkan 4 daripada kontak tersebut

telah mempunyai simptom dimasukkan ke hospital untuk siasatan. Jumlah terkumpul kes yang disiasat kerana disyaki jangkitan influenza A(H1N1) adalah sebanyak 2,471 kes di mana, 244 kes telah disahkan positif influenza A(H1N1) manakala 64 kes masih menunggu keputusan.

Merujuk kepada situasi global, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan bahawa sehingga 2 Julai 2009, jam 8 pagi, jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) yang dilaporkan ke WHO adalah sebanyak 72,972 kes dengan 311 kematian daripada 116 negara, iaitu pertambahan 1,492 kes. Tiada pertambahan kematian dilaporkan. Negara yang melaporkan pertambahan kes tertinggi adalah Filipina (848), Australia (280), China (168), Singapura (82) dan Jepun (70).

Berkaitan dengan isu ujian air liur kepada para pelancong asing dan tempatan yang mengalami gejala influenza A(H1N1) di pintu masuk negara, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin menjelaskan bahawa pemeriksaan saringan yang dimaksudkan adalah pengambilan sampel palitan tekak atau 'throat swab' kepada mana-mana warga Malaysia yang disyaki mengalami jangkitan influenza A(H1N1) dan mereka ini diarah untuk menjalani kuarantin di rumah sehingga keputusan diperolehi yang biasanya siap dalam tempoh 24 jam. Kepada warga asing yang disyaki dijangkiti influenza A(H1N1) mereka akan terus dirujuk ke hospital yang dikhususkan untuk rawatan dan siasatan lanjut.

Nasihat Kepada Orang Ramai

Semua ibu bapa kepada pelajar-pelajar sekolah yang ditutup diminta untuk terus memastikan anak-anak mereka berada di rumah dan tidak pergi ke tempat-tempat awam atau menghadiri kelas tuisyen atau kelas

agama. Semasa *home quarantine* 7 hari , mereka ini adalah diminta untuk mengamalkan 10 langkah bijak semasa dalam kuarantin dan sekiranya mengalami gejala demam dan tanda-tanda seperti batuk, sakit tekak dan selesema hendak segera mendapatkan rawatan di hospital.

Kementerian Kesihatan Malaysia meminta kerjasama daripada kesemua kontak yang terdiri dari penumpang termasuk krew penerbangan dari penerbangan yang terlibat dengan pengesanan kes positif influenza A(H1N1), terutama di 3 tempat duduk hadapan dan belakang kes-kes serta kiri dan kanan, supaya segera memaklumkan lokasi mereka untuk memudahkan pihak Kementerian Kesihatan membuat pemantauan. Sila maklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat atau KKM melalui talian hotline seperti di bawah untuk membolehkan kami memberikan nasihat kesihatan termasuk keperluan *home quarantine* kepada mereka yang mempunyai kontak secara langsung dengan kes yang disahkan positif dan diminta untuk mengamalkan 10 langkah bijak semasa dalam kuarantin.

Bagi individu yang baru pulang dari negara terjejas, tidak mempunyai kontak secara langsung dengan kes dan tidak mempunyai gejala, dinasihatkan untuk mengamalkan pemantauan sendiri (*self monitoring*) seperti yang telah dicatitkan dalam *health alert card* yang diberikan kepada mereka.

Kepada pelajar Malaysia dan mereka yang baru kembali bercuti di luar negara yang terjejas dengan wabak influenza A(H1N1) adalah diminta untuk membuat pemantauan sendiri (*self monitoring*). Mereka yang mula merasa kurang sihat atau ada tanda awal jangkitan seperti batuk dan demam hendaklah segera mendapatkan rawatan daripada doktor

yang berdekatan dan mengurangkan pergaulan dengan rakan lain termasuk mengelakkan diri dari menghadiri kelas dan bekerja di pejabat. Langkah ini untuk mengelakkan penularan penyakit di sekolah dan di tempat kerja yang boleh melibatkan penularan jangkitan. Langkah ini juga adalah amat kritikal untuk diamalkan lebih-lebih lagi jika terdapat kanak-kanak, golongan warga tua dan individu dengan masalah kesihatan yang tinggal serumah dengan mereka. Sekiranya dijangkiti, golongan ini mempunyai risiko yang tinggi untuk mengalami komplikasi.

Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak kecuali jika betul-betul tidak dapat dielakkan. Perjalanan ke luar negara yang dilanda wabak boleh meningkatkan risiko mendapat jangkitan influenza A(H1N1), samada semasa berada di negara berkenaan atau pun semasa berada di dalam pesawat. Ini bukan sahaja akan menyebabkan anda jatuh sakit dan terpaksa dirawat di negara lain, tetapi anda dan keluarga anda akan dikuarantin jika terbabit dengan kes yang disahkan positif. Justeru itu, orang ramai digesa sekali lagi agar memberi kerjasama menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak influenza A(H1N1) buat masa ini, kecuali bagi perjalanan yang perlu sahaja yang tidak boleh ditangguhkan.

Orang ramai juga turut dinasihatkan agar sentiasa mengikuti perkembangan situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman web Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari semasa ke semasa. Untuk memudahkan orang awam mendapatkan maklumat berkaitan influenza A(H1N1), Kementerian Kesihatan telah menambah kemudahan yang berikut:

- a) Laman web khas influenza A(H1N1) Kementerian Kesihatan disediakan melalui alamat <http://h1n1.moh.gov.my> yang telah mula beroperasi 30 Jun 2009.
- b) Talian Hotline Influenza A(H1N1) yang beroperasi antara 8.00pagi hingga 9.00 malam disediakan melalui 4 talian, iaitu:
 - i. 03-88810200
 - ii. 03-88810300
 - iii. 03-88834414
 - iv. 03-88834415

Sekian dan terima kasih.

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Menteri Kesihatan Malaysia

Tarikh: 2 Julai 2009

LAMPIRAN 1

JADUAL 1 : SENARAI KES POSITIF YANG DILAPORKAN KE CPRC KKM PADA 2 JULAI 8.00 PAGI

BIL	NO KES	WARGANEGARA	UMUR	PEKERJAAN	TUJUAN LAWATAN	PENGANGKUTAN	NO TEMPAT DUDUK	TEMPAT JANGKITAN/ JENIS JANGKITAN	TARIKH ONSET
1	197	AMERIKA	11	PELAJAR DI AUSTRALIA	BERCUTI DI MALAYSIA	MH091		KES IMPORT	22/6/2009
2	198	CINA	24		PERJALANAN KE BANGKOK	AK743	18C	KES IMPORT	29/6/2009
3	199	MALAYSIA	19	PELAJAR DI IPTS	BERCUTI DI LANGKAWI			KES TEMPATAN	25/6/2009
4	200	MALAYSIA	22	PELAJAR DI AUSTRALIA	BERCUTI DI MALAYSIA	B72703	37A	KES IMPORT	29/6/2009
5	201	MALAYSIA	19		BERCUTI DI MELBOURNE, AUSTRALIA	AK2732	36D	KES IMPORT	
6	202	INDONESIA	17		BERCUTI DI BANGKOK DAN TRANSIT DI MALAYSIA			KES IMPORT	27/6/2009
7	203	INDIA	25		BERTOLAK DARI MELBOURNE KE MALAYSIA	MH140		KES IMPORT	29/6/2009
8	204	MALAYSIA	4		PULANG BERCUTI DI MALAYSIA DAN INDONESIA BERSAMA KELUARGA	QZ8394		KES IMPORT	29/6/2009
9	205	MALAYSIA	41		PULANG BERCUTI DI MALAYSIA DAN INDONESIA BERSAMA KELUARGA	QZ8394		KES IMPORT	29/6/2009

10	206	MALAYSIA	33			TIADA SEJARAH PERJALANAN				KES TEMPATAN	
11	207	INDONESIA	9			BERCUTI KE THAILAND DAN TRANSIT DI MALAYSIA. KES TELAH PULANG KE NEGARA ASAL				KES IMPORT	27/6/2009
12	208	MALAYSIA	7	PELAJAR		BERCUTI KE JAKARTA	MH109			KES IMPORT	
13	209	MALAYSIA	18			BERCUTI KE MELBOURNE				KES IMPORT	
14	210	FILIPINA	8			BERTOLAK DARI MANILA KE KUALA LUMPUR				KES IMPORT	28/6/2009
15	211	MALAYSIA	29	JURUELEKTIK		BERCUTI DI MANILA	AK 663			KES IMPORT	28/6/2009
16	212	INDONESIA	20			BERCUTI KE BANGKOK DAN TRANSIT KE MALAYSIA. TELAH PULANG KE NEGARA ASAL				KES IMPORT	27/6/2009
17	213	MALAYSIA	28	PRAMUGARI		TRAVELLED FROM SYDNEY. ARRIVED AT KLIA ON 27/6/2009 AT 8.20 PM				KES IMPORT	1/7/2009
18	214	MALAYSIA	35			BERCUTI KE MANILA	AK663	10D		KES IMPORT	29/6/2009
19	215	MALAYSIA	16	PELAJAR		TIADA SEJARAH PERJALANAN				KES TEMPATAN	29/6/2009

20	216	MALAYSIA	17	PELAJAR	BALIK BERCUTI KE MALAYSIA	MH148	38J	KES IMPORT	28/6./2009
21	217	THAILAND	41		BERTOLAK KE THAILAND	TG422		KES IMPORT	30/6/2009
22	218	PENDUDUK TETAP	35	JURUTERBANG	BERCUTI DI JAKARTA	AK381	D12	KES IMPORT	27/6/2009
23	219	AUSTRALIA	23	PELAJAR	DATANG BELAJAR DI MALAYSIA	B72723		KES IMPORT	28/6/2009
24	220	FILIPINA	38		BERCUTI DI MANILA	MH705	21E	KES IMPORT	28/6/2009
25	221	AUSTRALIA	10	PELAJAR	BERCUTI DI MALAYSIA	SX216, AK706		KES IMPORT	30/6/09
26	222	MALAYSIA	39	PEGAWAI TADBIR	MENGHADIRI SEMINAR DI AUSTRALIA			KES IMPORT	29/6/09
27	223	MALAYSIA	32	JURU UKUR	MENGHADIRI SEMINAR DI AUSTRALIA			KES IMPORT	28/6/09
28	224	MALAYSIA	24		MELAWAT THAILAND	AK837	10C	KES IMPORT	28/6/09
29	225	MALAYSIA	24		BERCUTI DI SINGAPURA	AK716	20F	KES IMPORT	
30	226	SINGAPURA	41	PENGURUS BANK	BERTUGAS DI MANILA			KES IMPORT	
31	227	MALAYSIA	22		BERCUTI DI BRUNEI	AK267	11C	KES IMPORT	29/6/2009
32	228	MALAYSIA	23	PELAJAR	BALIK KBERCUTI KE MALAYSIA, TRANSIT DI BRUNEI	BJ875	29C 59C	KES IMPORT	23/6/2009
33	229	MALAYSIA	17	PELAJAR	TIADA SEJARAH PERJALANAN			KES TEMPATAN	1/7/2009

34	230	MALAYSIA	18	PELAJAR	TIADA SEJARAH PERJALANAN				KES TEMPATAN	30/6/2009
35	231	MALAYSIA	16	PELAJAR	TIADA SEJARAH PERJALANAN				KES TEMPATAN	30/6/2009
36	232	INDONESIAN	27		BERTOLAK KE BANGKOK MELALUI HELSINKI DAN BANGKOK SEBELUM KE MALAYSIA				KES IMPORT	
37	233	MALAYSIAN	28	KERANI	BERCUTI KE MANILA MELALUI		AK6265		KES IMPORT	29/6/2009
38	234	INDONESIA	30		BERCUTI KE BANGKOK DAN TRANSIT DI SINGAPURA.		TR 456	3C	KES IMPORT	29/6/2009
39	235	MALAYSIA	34		MELANCONG KE USA		CX723 MH1148	32K	KES IMPORT	30/6/2009
40	236	MALAYSIA	33	JURUTERBANG	HONGKONG AND PHILLIPINES 25-29 JUNE 2009. FLIGHT AK667				KES IMPORT	29/6/2009
41	237	MALAYSIA	23	PELAJAR	BALIK BERCUTI DI MALAYSIA		MH417		KES IMPORT	28/6/2009
42	238	MALAYSIA	29		BERCUTI DI JAKARTA		AIR ASIA		KES IMPORT	30/6/2009
43	239	MALAYSIA	17	PELAJAR	TIADA SEJARAH PERJALANAN				KES TEMPATAN	29/6/2009
44	240	MALAYSIA	60	PENSYARAH	BERTUGAS DI JAKARTA				KES IMPORT	30/6/2009
45	241	MALAYSIA	34		BERCUTI KE CHINA		AK113	24E	KES IMPORT	27/6/2009

46	242	MALAYSIA	21	AGEN PELANCONGAN	TIADA SEJARAH PERJALANAN			KES TEMPATAN	26/6/2009
47	243	ITALI	28	PELANCONG	BERCUTI KE MANILA, KUALA LUMPUR DAN PULAU PINANG	CEBU PACIFIC 55501 AK5350		KES IMPORT	
48	244	AUSTRALIA	48		BERCUTI KE MALAYSIA	MH148		KES IMPORT	23/6/2009